

28/02/2001

PM yakin KWSP boleh pertingkat keuntungan

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya pengurusan baru Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menganalisis apa yang perlu dilakukan untuk meningkatkan keuntungannya.

"Usaha mengkaji semula dasar pelaburan KWSP adalah satu perkara yang biasa dilakukan," katanya sambil menolak anggapan bahawa dividen enam peratus yang diumumkan KWSP semalam sebagai kegagalan agensi menguruskan dananya.

Bercakap kepada pemberita setibanya dari Hainan di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini petang ini, setiap pelaburan tidak semestinya mendapat keuntungan sepanjang masa.

Menurut beliau, pelaburan yang dilakukan perlu menghadapi beberapa risiko termasuk penurunan pasaran saham dan kejatuhan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Saya hairan dengan harapan supaya semua dana, bila dilabur mesti dapat untung walaupun syarikat rugi dan BSKL punya indeks turun...ini Mat Jenin punya pelaburan... tiap-tiap kali melabur mesti dapat untung.

"Saya tak nampak macam mana orang boleh anggap pelaburan mesti untung setiap masa," katanya.

Dividen enam peratus yang diumumkan KWSP itu lebih rendah daripada kadar 6.84 peratus pada 1999. Penurunan itu disebabkan peningkatan jumlah anggota dan peruntukan lebih tinggi bagi susut nilai dalam portfolio ekuitinya.

Dr Mahathir menjelaskan, kadar dividen itu itu tidak boleh dikaitkan dengan kegagalan KWSP kerana semua pelaburan yang dilakukan institusi itu dalam pasaran saham berjalan seperti biasa.

"Tapi kita tahu pasaran saham sekarang ini tak berapa baik...keuntungan tidak begitu meningkat dan pulangnya pun tak naik banyak.

"Lagipun kalau kita nak bagi dividen yang tinggi, maka kita jual kaunter yang memberikan keuntungan yang lebih, akhirnya KWSP akan tinggal dengan kaunter (saham) yang kurang baik.

"Jadi itu terpulanglah kepada KWSP macam mana dia nak bayar dividen. Kalau kita jamin dividen tinggi-tinggi dan apabila tidak ada duit, kita jual saham itu, ini adalah cara dia cari kerosakan (kerugian).

"Kita tak boleh jual saham yang baik kerana nak bayar dividen. Dividen bermakna keuntungan...itu bukan keuntungan sebenarnya," katanya.

Mengenai kritikan sesetengah pihak bahawa Forum Boao Bagi Asia hanya menguntungkan China, Dr Mahathir berkata ia tidak menjejaskan mana-mana pihak.

Sebeliknya, negara-negara Asia berhak berjumpa dan berbincang mengenai masalah negara di Asia serta mencari kebaikan dari segi ekonomi.

Perdana Menteri berpuas hati dengan forum itu walaupun hanya menghadiri majlis perasmiannya sahaja.

Mengenai respon terhadap cadangannya pada forum itu berhubung cukai infrastruktur, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu mengenai respon orang lain tetapi Presiden China Jiang Zemin tidak menolak cadangan itu.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

(END)